

Bab (5): Kebenaran (Rukhshah) Menghadap Qiblat Ketika Membuang Air.⁷⁵

١٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى بْنِ حَبَّانَ عَنْ عَمِّهِ وَاسِعِ بْنِ حَبَّانَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ لَقَدْ ارْتَقَيْتُ عَلَى ظَهْرِ الْبَيْتِ فَرَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى لَبَتَيْنِ مُسْتَقْبِلَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ لِحَاجَتِهِ.

12- `Abdullah bin Maslamah (bin Qa`nab al-Qa`nabi) meriwayatkan kepada kami daripada Malik<sup>76</sup> daripada Yahya bin Sa`id⁷⁷ daripada Muhammad bin Yahya bin `Habbān<sup>78</sup> daripada Pak ciknya, Wāsi` bin `Habbān<sup>79</sup> daripada `Abdillah bin `Umar, kata beliau, “Sesungguhnya, aku pernah naik ke atas sutuh

⁷⁵ Hadits ke-12 di bawah bab ini tidak begitu bertepatan dengan tajuk bab yang diadakan oleh Abu Daud ini. Kerana tajuk bab berkenaan dengan keharusan menghadap qiblat, sedangkan hadits berkenaan pula menunjukkan keharusan membelakangi qiblat. Kecualilah kalau dikatakan, oleh kerana hukum menghadap qiblat dan membelakanginya sama, maka apabila telah tsabit keharusan membelakangi qiblat, bererti harus jugalah menghadap qiblat.

⁷⁶ bin Anas bin Malik bin Abi `Aamir bin `Amar bin al-`Hārīts al-Ashba`hī. Abu `Abdillah adalah kuniahnya. Beliau adalah salah seorang imam mujtahid dan tokoh Islam sepanjang zaman. Dikenali sebagai Imam Dar al-Hijrah. Hadits-haditsnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Imam Malik dilahirkan pada tahun 93 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 179 Hijrah. Jenazahnya dikebumikan diperkuburan Baqī`.

⁷⁷ bin Qais bin `Amar bin Sahl bin Tsa`labah al-Anshāri an-Najjāri. Perawi tsiqah lagi tsabt (teguh). Beliau termasuk dalam thabaqah Tābi`in kecil. Hadits-haditsnya juga terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Tābi`in kecil ialah orang-orang yang sempat bertemu sahabat-sahabat kecil Nabi s.a.w. Ada seorang lagi Yahya bin Sa`id yang segenerasi dengan Yahya bin Sa`id al-Anshāri ini, dia ialah Yahya bin Sa`id Abu `Hayyān at-Taimi. Adapun Yahya bin Sa`id al-Qatthān dan Yahya bin Sa`id al-Umawi, mereka terbilang sebagai guru bagi guru pengarang-pengarang keenam-enam kitab utama hadits. Yahya bin Sa`id al-Anshāri meninggal dunia pada tahun 143 Hijrah.

⁷⁸ bin Munqidz bin `Amar al-Māzini al-Anshāri al-Madani. Abu `Abdillah kuniahnya. Seorang perawi faqīh lagi tsiqah. Ibnu Ma`in, an-Nasaa`i dan lain-lain mengatakan beliau tsiqah. Haditsnya terdapat di dalam Sunan Sittah. Muhammad bin Yahya meninggal dunia pada tahun 121 Hijrah.

⁷⁹ bin Munqidz bin `Amar al-Māzini an-Najjāri al-Anshāri al-Madani. Sesetengah `ulama` membilanginya dan ayahnya sebagai sahabat Nabi s.a.w. Sesetengah yang lain pula mengiranya termasuk dalam thabaqah (generasi) ke-2 Kibār Tābi`in (Tābi`in besar). Beliau dipercayai tsiqah. Wāsi` meninggal dunia di antara tahun 91-100 Hijrah.

rumah,⁸⁰ lalu aku ternampak⁸¹ Rasulullah s.a.w. sedang bertinggung di atas dua batu bata dalam keadaan menghadap Baitul Maqdis⁸² untuk buang air.”⁸³

⁸⁰ Maksudnya ialah di atas sutuh rumah Ĥafshah (على سقف بيت حفصة), sebagaimana tersebut dengan jelas di dalam riwayat Muslim dan Tirmidzi. Lafaz riwayat berbeza di sini. Selain lafaz riwayat Muslim dan Tirmidzi itu terdapat empat lagi lafaznya seperti berikut:

- (1) على ظهر البيت (di atas bumbung/sutuh rumah). Ini adalah lafaz riwayat Abu Daud.
- (2) على ظهر بيت لنا (di atas bumbung/sutuh rumah kami). Ini adalah lafaz riwayat Bukhari di dalam Sahihnya, Malik di dalam Muwattha'nya dan asy-Syafi'e di dalam Musnadnya.
- (3) على ظهر بيتنا (di atas bumbung/sutuh rumah kami). Ini adalah lafaz riwayat Ahmad, Ibnu Ĥibbān, Ibnu Majah dan lain-lain.
- (4) على بيت حفصة (di atas rumah Ĥafshah). Ini adalah lafaz riwayat Ahmad, Tirmidzi dan ad-Dāraquthni.

Cara menjama'kannya ialah dengan berkata, Ibnu 'Umar mengaitkan rumah yang dinaikinya dengan dirinya secara majaz. Kerana ia adalah rumah kakaknya Ĥafshah. Mungkin juga beliau mengaitkan rumah berkenaan dengan dirinya kerana melihat kepada kesudahannya, memandangkan beliaulah yang mewarisi rumah itu dari Ĥafshah, tidak saudara-saudaranya yang lain. Ini kerana Ibnu 'Umar adalah saudara seibu sebapa Ĥafshah.

Ibnu 'Umar mengatakan rumah itu rumah Ĥafshah pula kerana itulah rumah yang diberi oleh Rasulullah s.a.w. kepada Ĥafshah untuk diduduki.

⁸¹ Ya, Ibnu 'Umar ternampak secara kebetulan sahaja Rasulullah s.a.w. dalam keadaan itu, beliau tidak bermaksud pun naik ke atas sutuh rumah untuk melihat cara bagaimana Baginda buang air, tidak juga Nabi s.a.w. menyuruhnya naik melihatnya. Maka tidaklah patut hukum untuk umat diambil daripada perbuatan Nabi s.a.w. yang berlaku secara sulit dan tersembunyi itu. Jika memang buang air dalam keadaan menghadap atau membelakangi qiblat itu diharuskan untuk umat, Rasulullah s.a.w. tentu sekali telah menyatakannya secara terbuka dan jelas seperti mana Baginda melarangnya. Demikianlah kata orang yang tidak mengharuskan. Orang yang mengharuskan perbuatan seperti itu pula berpegang dengan hadits ini. Alasan mereka ialah perbuatan Nabi s.a.w. yang dilihat oleh Ibnu 'Umar itu. Bagi mereka, perbuatan Nabi s.a.w. pada dasarnya adalah untuk diikuti. Tidak boleh sembarangan kita mengatakan ia khusus dengan Nabi s.a.w. sahaja. Kecuali ada dalil lain yang terang menyatakannya. Imam Abu Daud termasuk dalam 'ulama' yang mengharuskan membuang air dengan menghadap qiblat atau membelakanginya, dengan syarat seseorang itu berada di tempat yang agak tertutup. Kerana itulah beliau mengadakan bab rukhshah ini secara berasingan setelah mengemukakan bab yang melarang daripadanya.

⁸² Di dalam Sahih Muslim, Musnad Ahmad, Mustakhraj Abi 'Awaanah dan lain-lain, selepas ini terus tersebut: مُسْتَذْبِرَ الْقِبْلَةِ (dan membelakangi Qiblat). Di dalam al-Muntaqa